

SULIT

NAMA : TINGKATAN :

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR

MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2025

EKONOMI 3767/1

TINGKATAN 5

Kertas 1

1 jam 15 minit



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab *semua* soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih *satu* jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **12** halaman bercetak.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.


Syarikat ABC ingin mengeluarkan jus buah dan aiskrim, namun hanya mampu mengeluarkan jus buah kerana modal terhad.

Apakah masalah ekonomi yang berkaitan dengan situasi di atas?

- A Memaksimumkan keuntungan
 B Kekurangan sumber ekonomi
 C Kehendak yang pelbagai
 D Hasil jualan terhad
- 2 Pilih pernyataan yang betul tentang sumber ekonomi.

Sumber Ekonomi	Keterangan
A Buruh	Individu yang menggabungkan input pengeluaran bagi menghasilkan sejumlah output
B Tanah	Sumber penawaran terhad yang terlibat dalam proses pengeluaran barangan
C Modal	Pemilik menerima pulangan untung atas kesanggupan menanggung risiko
D Usahawan	Individu yang menyumbangkan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran

- 3 Rajah 1 menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran bagi dua jenis barang dalam ekonomi.



Rajah 1

Pernyataan manakah yang betul apabila kombinasi pengeluaran R bergerak ke S?

- I Ekonomi masih berada pada tahap guna tenaga penuh
 II Penambahan 100 tan kelapa sawit akan melepaskan 20 tan getah
 III Penggunaan sumber tidak cekap mengakibatkan pengurangan 20 tan getah
 IV Faktor pengeluaran digunakan sepenuhnya untuk mengeluarkan kelapa sawit

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan teknologi moden dalam pembuatan pakaian.

Syarikat Collina Tekstil Sdn Bhd telah membeli mesin pemotong kain pukal di kilangnya bagi mengeluarkan pelbagai reka bentuk kemeja.

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan oleh syarikat tersebut?

- I Berapa yang hendak dikeluarkan
 - II Bagaimana hendak dikeluarkan
 - III Apa yang hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Bagaimanakah sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan masalah asas ekonomi 'untuk siapa dikeluarkan'?
- A Jenis barang ditentukan oleh pengeluar
 - B Kuantiti barang ditentukan oleh pengguna
 - C Pengeluaran barang berdasarkan kepuasan maksimum
 - D Barang diagihkan mengikut corak agihan pendapatan masyarakat
- 6 Pernyataan yang manakah menerangkan keluk permintaan individu.
- A Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - B Hubungan negatif antara harga dengan kuantiti diminta
 - C Menggabungkan semua keluk permintaan individu
 - D Menunjukkan kuantiti ditawarkan pada setiap tingkat harga
- 7 Jadual 1 berkaitan dengan penentu permintaan bagi kasut Jenama VV.


Harga seunit (RM)	Kuantiti diminta Januari (unit)	Kuantiti diminta April (unit)
300	250	400

Jadual 1

Mengapakah berlaku perubahan pada bulan April?

- A Harga barang pengganti turun
- B Penggunaan teknologi canggih
- C Jangkaan harga kasut berkurang
- D Musim perayaan hari raya

8 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi sesuatu barang.




Rajah 2

Antara berikut, apakah yang menyebabkan peralihan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- I Cukai pendapatan meningkat
- II Pendapatan pengguna bertambah
- III Harga barang penggenap menurun
- IV Jangkaan harga akan turun pada masa depan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran barang X




Rajah 3

Antara berikut pernyataan manakah yang benar?

- I apabila harga naik dari RM5 ke RM9, kuantiti ditawarkan meningkat sebanyak 5 unit
- II apabila harga turun dari RM7 ke RM5, kuantiti ditawarkan menurun dari 33 unit ke 25 unit
- III apabila harga turun dari RM9 ke RM3 akan berlaku penguncupan penawaran pasaran
- IV apabila harga naik dari RM3 ke RM7 menunjukkan kos pengeluaran adalah mahal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran.



Rajah 4

Apakah kesan pasaran jika harga berada di bawah P_0 ?

- A Tingkat harga tidak berubah
- B Kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta
- C Tingkat harga cenderung untuk meningkat
- D Kuantiti diminta kurang daripada kuantiti ditawarkan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan barang X.

$$E_d = 0.62$$

Antara yang berikut, yang manakah merupakan barang X?

- A Beras tempatan
- B Rantai emas
- C Kasut sukan
- D Telefon pintar

12 Jadual 2 menunjukkan penawaran bagi beg tangan

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
20	60
16	X

Jadual 2

Jika pekali keanjalan harga penawaran bagi beg tangan ialah 1.5, berapakah nilai X?

- A 86
- B 82
- C 78
- D 42

13 Maklumat berikut berkaitan dengan penentu keanjalan harga penawaran.

Barang X	Barang Y
• Bilangan firma banyak dalam pasaran • Faktor pengeluaran mudah dipindahkan	• Stok barang terhad • Faktor pengeluaran sukar diperolehi

Barang manakah berkaitan dengan penentu tersebut?

	Barang X	Barang Y
A	Rumah kediaman	Gula pasir
B	Kacang tanah	Minyak masak
C	Beras tempatan	Komputer riba
D	Air kotak	Kapal terbang

14 Pernyataan yang manakah menunjukkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai.

- A Rizal membayar RM5 000 sebagai deposit untuk membeli kereta baharu
- B Zara membayar RM300 setiap bulan untuk perabot yang dibelinya selama dua tahun
- C Asmah membeli barang kemas pada harga diskaun 60% sempena jualan penghabisan stok
- D Siti mengunjungi lebih daripada 8 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum dibeli

15 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi Bank Perdagangan.

Kebenaran mengeluarkan wang lebih daripada baki di dalam akaun semasa

Pernyataan yang manakah betul tentang fungsi tersebut.

- A Encik Shukri tidak dikenakan faedah apabila menggunakan kemudahan ini
- B Encik Badri seorang pengeksport perlu membuat permohonan pinjaman
- C Puan Aminah tidak memerlukan cagaran untuk membuat pinjaman
- D Puan Ros memerlukan penjamin untuk membuat pinjaman

16 Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan aktiviti sektor kedua?

- A Mengeluarkan pelbagai barang elektrik dan elektronik
- B Menyediakan kemudahan pengangkutan darat
- C Menawarkan perkhidmatan penginapan
- D Melombong bijih timah

17 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + Dividen + **X** + Bayaran pindahan

Situasi manakah yang menerangkan **X**?

- A Encik Manan mendapat RM2 000 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera
- B Puan Lim memenangi baucer buku daripada Kedai Buku Harian bernilai RM250
- C Puan Sarah menerima RM2 500 atas penggunaan rumah miliknya
- D Encik Ahmad memperoleh RM600 sebulan atas jualan biskutnya

18 Pilih pasangan yang betul.

	Keperluan	Kehendak
A	Barang yang mempunyai banyak pilihan	Barang yang terhad kepada beberapa jenis sahaja
B	Harga barang dikawal oleh kerajaan	Harga barang ditentukan oleh kuasa pasaran
C	Tujuan untuk mencapai kehidupan yang selesa	Tujuan untuk meneruskan kehidupan
D	Dipengaruhi oleh tingkat pendapatan individu	Tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan individu

19 Maklumat berikut berkaitan dengan pembelian barang secara kredit

Encik Bakar membeli sebuah mesin basuh pada harga RM2 400. Tempoh bayaran balik ialah 12 bulan dengan kadar faedah 10% setahun.

Berapakah jumlah bayaran ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Bakar?

- A RM 180
- B RM 220
- C RM 240
- D RM 200

20 Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?

- I Mengelakkan inflasi
 - II Meningkatkan pendapatan
 - III Membolehkan individu membeli barang mewah
 - IV Membolehkan individu mendahulukan perbelanjaan yang penting
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

21 Jadual 3 di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Input berubah (unit)	Keluaran purata (unit)
0	-
1	3
2	4
3	5
4	5

Jadual 3

Penggunaan bilangan input berubah yang ke berapakah menunjukkan nilai keluaran marginal yang paling tinggi?

- A 1 unit
- B 2 unit
- C 3 unit
- D 4 unit

22 Eksternaliti negatif merujuk kepada

- A tindakan firma untuk mengurangkan penggunaan sumber ekonomi
- B kesan luaran yang dihadapi oleh pihak ketiga daripada aktiviti ekonomi
- C tindakan kerajaan ke atas aktiviti pengeluaran yang menjejaskan alam sekitar
- D kesan luaran yang dihadapi oleh pengguna apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan.

23 Gambar 1 menunjukkan satu projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.



Gambar 1

Mengapakah kerajaan perlu melaksanakan projek tersebut?

- A Menambahkan pendapatan negara
- B Mewujudkan monopoli semula jadi
- C Memaksimumkan kebajikan masyarakat
- D Mengeluarkan barang swasta dan barang sosial

24. Pasangan yang manakah betul?

	Objektif Makroekonomi	Strategi
A	Cipta tenaga penuh	Mengurangkan kadar pengangguran
B	Kestabilan harga	Mengeluarkan barang keperluan
C	Pertumbuhan ekonomi	Memantau pelaburan sektor swasta
D	Kestabilan imbalan pembayaran	Mengawal eksport negara

25. Maklumat berikut berkaitan dengan penunjuk ekonomi.

KUALA LUMPUR – Inflasi Malaysia pada tahun 2023 merekodkan peningkatan perlahan kepada 2.5 peratus (2022: 3.3%) dengan mata indeks mencatatkan 130.4 berbanding 127.2 pada tahun sebelumnya.

Sumber: [https://malaysiagazette.com/16 May 2024](https://malaysiagazette.com/16-May-2024)

Antara berikut, yang manakah kesan situasi tersebut?

- I Peluang pekerjaan menurun
- II Beban hutang peminjam meningkat
- III Pendapatan kasar masyarakat berkurangan
- IV Nilai wang yang dipegang isi rumah bertambah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Apakah tujuan kerajaan melaksanakan dasar fiskal menguncup?

- A Menurunkan kadar cukai
- B Mengurangkan permintaan agregat
- C Menurunkan nisbah rizab berkanun
- D Mengurangkan perbelanjaan kerajaan

27. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

- Pembinaan jalan raya baharu di Kelantan
- Pembinaan pelabuhan baharu di Lumut Perak

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Sektor perkhidmatan ekonomi
- B Sektor perkhidmatan sosial
- C Sektor pentadbiran am
- D Sektor keselamatan

28. Gambar 2 menunjukkan ketidakstabilan ekonomi negara.



Gambar 2

Tindakan manakah yang perlu dilaksanakan oleh bank pusat bagi mengatasi masalah tersebut?

	Nisbah tirah berkanun	Syarat sewa beli	Kadar faedah
A	Naik	Ketat	Turun
B	Turun	Longgar	Naik
C	Naik	Ketat	Naik
D	Turun	Longgar	Turun

29. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor penggalak globalisasi sesebuah negara?

- I Ekonomi negara yang semakin liberal
- II Kewujudan syarikat multinasional
- III Meningkatkan kemahiran modal insan
- IV Perkembangan dalam sektor pelancongan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Apakah jenis produk yang akan dikenakan sekatan bukan ekonomi?

- A Produk yang tidak tahan lama dan mudah pecah
- B Produk yang menepati purwajan dan mutu SIRIM
- C Produk yang membahayakan kesihatan pengguna
- D Produk yang mematuhi peraturan dan undang-undang

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan blok ekonomi dan perjanjian perdagangan.

Ringkasan persidangan ASEAN ke-46, menyatakan bahawa manfaat kepada Malaysia dan ASEAN membawa impak besar kepada ekonomi Malaysia serta rantau ASEAN, termasuk peningkatan perdagangan, pelaburan dan pembangunan mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sumber diubahsuai daripada: <https://www.astroawani.com>, 23 Mei 2025

Apakah kesan positif blok ekonomi dan perjanjian perdagangan tersebut kepada Malaysia ?

- A Pelaburan dalam sektor elektronik dari Brunei meningkat
- B Proses permohonan kerja Encik Tan di Singapura semakin ketat
- C Syarikat Ahmad Enterprise perlu berdaya saing dalam pasaran negara
- D Lebihan penawaran barangan import dari negara ASEAN

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan akaun semasa dalam imbalan pembayaran.

PUTRAJAYA: Malaysia mengimport produk bernilai RM75.6 bilion pada 2022 berbanding eksport bernilai RM44.6 bilion, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber diubahsuai daripada : <https://www.bharian.com.my>/Disember 29, 2023

Apakah implikasi terhadap situasi tersebut?

- A Taraf hidup rakyat tinggi
- B Pengangguran meningkat
- C Hasil negara bertambah
- D Kadar inflasi meningkat

- 33 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).

$$\text{RM } 1.00 = \text{SGD } 0.4$$

Berapakah nilai Ringgit Malaysia yang perlu dibayar oleh pelajar yang membeli 3 buah buku jika diberi diskaun 10% pada harga asal SGD120 sebuah buku ?

- A RM 270
- B RM 300
- C RM 810
- D RM 900

- 34 Jadual 4 menunjukkan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) untuk tempoh dua tahun.

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2023	USD1 = RM4.50
2024	USD1 = RM4.70

Jadual 4

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran pada tahun 2024 berbanding tahun 2023?

- A Jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat berkurangan
- B Harga barang import Amerika di Malaysia lebih murah
- C Penawaran Ringgit Malaysia akan menurun
- D Imbangan dagangan cenderung negatif

Soalan 35 hingga 40 adalah berdasarkan jadual yang berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Jumlah kos merupakan kos yang terlibat dalam suatu proses pengeluaran.
II Jumlah kos tetap bernilai sifar ketika pengeluaran tidak dilakukan.
- 36 I Produktiviti merujuk kepada nisbah penggunaan input kepada output yang dihasilkan
II Produktiviti akan meningkat apabila proses pengeluaran disokong dengan penggunaan teknologi moden
- 37 I Faedah sosial merupakan eksternaliti negatif yang ditanggung oleh pihak ketiga.
II faedah sosial ialah kesan pencemaran udara kepada masyarakat akibat pembakaran hutan.
- 38 I Indeks Harga Pengguna (IHP) diukur dengan membandingkan harga purata tahun semasa dengan tahun dasar
II Penurunan Indeks Harga Pengguna akan menyebabkan peningkatan dalam taraf hidup pengguna
- 39 I Kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa adalah untuk mengurangkan pengangguran dalam negara.
II Sekatan perdagangan antarabangsa menyebabkan jumlah eksport berkurang.
- 40 I Akaun semasa ialah akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran kewangan antara sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh setahun
II Akaun semasa terdiri daripada akaun barangan, akaun perkhidmatan, akaun pendapatan primer dan akaun pendapatan sekunder.

.....SOALAN TAMAT.....